

# Integrasi rakyat dan perpaduan negara langkah berterusan

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Dewan Negara hari ini diberitahu, usaha mencapai integrasi rakyat dan perpaduan negara adalah langkah berterusan dan kadar kecapaiannya tidak dapat diukur seperti rancangan pembangunan yang lain.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Goh Cheng Tek berkata, beliau puashati dengan kemajuan serta kesan usaha yang dijalankan sehingga ini khususnya kegiatan berocor mihbah. Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Datuk Yap Peng.

Dalam usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang keturunan, Kerajaan telah dan sedang mengadakan beberapa aktiviti berocor mihbah terutama aktiviti yang melibatkan masyarakat umum.

## Matlamat

Jadi sudah sewajarnya salah satu dari matlamat aktiviti yang diberi keutamaan ialah untuk mencapai integrasi kemasyarakatan dari berbilang keturunan melalui interaksi dan pergaulan tersebut, katanya.

Katanya, usaha bagi mencapai integrasi rakyat dan perpaduan negara meliputi seluruh aspek hidup kesemua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan keturunan.

"Usaha ini adalah suatu yang berterusan dan mengambil masa panjang yang mana tarikh matlamat perpaduan itu ataupun kadar pertumbuhan integrasi itu tidaklah dapat diukur seperti mana yang dibuat pada rancangan-rancangan pembangunan yang lain.

"Namun demikian saya telah puashati dengan kesan serta kemajuan dari aktiviti-aktiviti berocor mihbah ini," katanya.

## Jumlah pelaburan Britain 9 bulan \$58.4 j

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Jumlah pelaburan Britain di dalam projek yang diluluskan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini ialah \$58.4 juta, kata Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, dalam Dewan Negara hari ini.

Beliau memberitahu Senator Datuk Haji Mohd. Nor Mohamad, sebahagian besar pelaburan Britain adalah di dalam sektor perindustrian termasuk minuman dan tembakau. "Bagi pelaburan Britain dalam syarikat-syarikat yang telah berpelaburan seperti pada 31 Disember, 1979, jumlahnya adalah sebanyak \$431.8 juta," katanya.

Sebahagian besar pelaburan Britain adalah dalam sektor-sektor perindustrian termasuk minuman dan tembakau berjumlah \$88 juta, katanya.

Kepada soalan tambahan Senator Datuk G. Pasamanickam, Datuk Lew menjelaskan, kerajaan tidak mempunyai sebarang pelaburan di Britain.

"Mengenal pelaburan swasta pula, saya tidak dapat memastikannya kerana pihak swasta bebas melabur modal di luar negeri," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

# Perlu buatan kilang tempatan dijamin lebih bermutu tinggi

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar hari ini memberi jaminan, peluru yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat tempatan adalah memuaskan dan lebih bermutu daripada yang dikeluarkan oleh syarikat asing.

"Saya difahamkan, peluru keluaran Syarikat Malex untuk keperluan tentera kita adalah memuaskan malah lebih bermutu daripada yang dikeluarkan oleh syarikat asing," tegasnya semasa menjawab soalan tambahan Senator Datuk Sulaiman Nimin Shah dalam Dewan Negara.

Kepada soalan asal Senator Datuk Hajjah Fatimah Haji Salim, beliau menguak kebanyakannya peluru yang digunakan oleh Angkatan Tentera sekarang diimport dari luar negeri.

Keperluan Angkatan Tentera Malaysia bagi berjenis-jenis peluru dan bahan letupan adalah besar dan keperluan ini semakin bertambah memandangkan Angkatan Tentera Malaysia sedang mengikut satu rancangan pembesannya.

"Oleh kerana demikian, tidak mungkin untuk mengeluarkan kesemua peluru dan bahan letupan ini di Malaysia untuk

memenuhi keperluan Angkatan Tentera Malaysia kita," jelasnya.

Beliau menambah, kerajaan menyedari dalam beberapa tahun kebelakangan, adalah kurang sihat sekiranya pembekalan peluru-peluru dan bahan-bahan letupan semata-mata bergantung kepada pembekalan luar negeri.

Oleh itu, tambahnya, sebuah syarikat kerajaan iaitu Malaysian Explosives (Sdn.) Berhad atau Malex telah ditubuhkan dalam tahun 1969.

## Kurang sihat

Syarikat ini telah bermula mengeluarkan peluru-peluru dalam tahun 1972 bagi kegunaan senjata api kecil saja, misalnya 'assault rifles' dan mesingan.

Sehingga tahun 1980, pihak Malex berkemampuan membekalkan sebahagian daripada keperluan-keperluan Angkatan Tentera Malaysia, khasnya peluru 5.56mm dan 7.62mm, katanya.

Abang Abu Bakar menjelaskan, dalam tahun 1981 syarikat itu telah membesarkan kebolehan pengeluaran bagi tahun 1982 dan tahun-tahun hadapan akan bertambah sebanyak 100 peratus.

"Kerajaan juga mengujikemungkinan untuk mengeluarkan peluru-peluru yang

lain seperti 'thunder flashes' 'hand grenade', peluru 9mm dan lain-lain.

"Kemudahan-kemudahan yang ada sekarang di Syarikat Malaysian Explosives (Sdn) Bhd akan diperbesar dan ditambah lagi untuk mengeluarkan peluru peluru ini," jelasnya.

Mengenal cadangan supaya tindakan segera diambil untuk mengeluarkan semua jenis peluru di dalam negeri, beliau berkata, adalah dipadai sukar sekiranya tidak mungkin untuk mengeluarkan kesemua jenis peluru dan bahan letupan dalam negara untuk memenuhi keperluan-keperluan Angkatan Tentera.

Menurutnya, pengeluaran peluru dan bahan letupan memerlukan pengetahuan teknologi yang tinggi, tenaga manusia yang mahir dan juga pembekalan bahan-bahan mentah seperti bahan letupan, besi, tembaga dan bahan-bahan logam lain yang kebanyakannya tidak boleh didapati di negara ini.

"Oleh yang demikian, adalah dipadai lebih berfaedah untuk mengimport peluru-peluru yang diperlukan buat sementara ini hingga negara kita mempunyai kemampuan dalam bidang ini," katanya.

# ASN tolak lebih 850 permohonan

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Amanah Saham Nasional (ASN) setakat ini telah menolak 854 permohonan untuk menyertai skim tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman berkata, antara sebab penolakan itu termasuk pemohon bukannya Bumiputera tulen dan pemohon tidak cukup umur.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab pertanyaan tambahan Senator Ibrahim Abdullah di Dewan Negara, hari ini.

Menjawab pertanyaan tambahan Senator Tan Sri Haji Abdul Razak Hussain, Timbalan Menteri itu berkata, kerajaan berpuashati dengan sambutan Bumiputera terhadap skim itu.

Bagaimanapun, jelasnya kerajaan akan terus berikhtiar menarik

minat lebih ramai Bumiputera melabur modal dalam skim itu melalui berbagai langkah tertentu, termasuk kempen penerangan.

Menjawab pertanyaan Senator Rahman Othman, Datuk Abdullah menjelaskan jumlah sajian yang telah dijual balik oleh pelabur sehingga 31 Oktober lalu sebanyak tujuh juta unit.

"Bagaimanapun, perlu diingat jumlah penambahbaikan kepada pelaburan pokok adalah berkalkulasi ganda banyaknya jika dibandingkan dengan jualan balik," jelasnya.

Katanya, 58 peratus dari pelabur sehingga 30 November lalu terdiri dari kaum lelaki manakala 42 peratus lagi kaum wanita.

Kepada soalan asal Senator Haji Azlan Kinjawan, beliau berkata jumlah pelabur skim ASN sehingga 30 November lalu ialah 834,231 orang.

# Penternakan ikan dapat perhatian utama dalam RME

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Kerajaan akan memberi perhatian utama terhadap usaha meluaskan perusahaannya ternakan ikan air tawar dan ikan air payau dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME) sebagai langkah menambah bekalan ikan negara, Dewan Negara diberitahu hari ini.

Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, memberitahu Senator Tan Chang Soong, kerajaan juga akan menggalakkan perusahaan penangkapan ikan di laut dalam.

Jumlah pendaratan ikan pada 1980 ialah 735,468 tan metrik ikan laut dan 8,211 tan metrik ikan air tawar.

"Dari jumlah ikan laut

ini, 159,426 tan metrik ialah ikan baji dan lain-lain bahan laut yang tidak boleh dimakan oleh manusia," katanya.

Katanya, kekurangan dalam bekalan sebanyak 24,613 tan metrik atau empat peratus tahun 1980 di atasi dengan mengimport ikan.

"Langkah-langkah sedang diambil untuk menambah kekurangan dalam bekalan ikan dengan menjaga sumber-sumber perikanan di laut di samping menggalakkan perusahaan penangkapan ikan di laut dalam.

"Bagi menambah lagi bekalan perikanan di negara ini, kerajaan juga memberi perhatian yang besar dalam meluaskan lagi perusahaan penternakan ikan air payau," tambahnya.

# 205 perjanjian teknikal M'sia-Jepun sejak 1970

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Dewan Negara hari ini diberitahu, Jepun telah menandatangani 205 perjanjian teknikal dengan syarikat-syarikat teknologi bagi tujuan pemindahan teknologi sejak 1970 hingga tahun lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, memberitahu Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar, jumlah itu merupakan 32.3 peratus dari jumlah keseluruhan perjanjian oleh syarikat tempatan dengan syarikat asing.

"Seperti Ahli Yang Berhormat sedar, pemindahan teknologi adalah suatu proses yang berterusan dan memakan masa yang agak lama dan tidak boleh dicapai dengan serta-merta.

"Isu pemindahan teknologi adalah berkait secara langsung dengan isu pelaburan asing dan dalam hal ini boleh dikatakan bahawa pihak syarikat Jepun memainkan peranan penting dan sangat menggalakkan," jelasnya.

Menurutnya, peranan Jepun dalam proses pemindahan kemahiran teknologi kepada negara ini dan dilihat dan dianalisa dari segi penelitian bilangan atau jumlah teknologi yang dibuat antara pelabur Jepun dengan usahawan tempatan.

"Perjanjian-perjanjian teknikal ini merupakan asas bagi pemindahan teknologi perindustrian," katanya.



DATUK MANAN OTHMAN

## 2,337 polis dikenakan tindakan disiplin

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Thamby Chik hari ini berkata seramai 2,377 anggota polis dikenakan tindakan tatatertib sehingga Oktober tahun ini.

Beliau memberitahu Senator Hajjah Salimah Sheikh Hussain semasa soaljawab di Dewan Negara, dari jumlah tersebut 105 orang di buang kerja manakala lima lagi digantung kerja.

Tambahnya, sehingga November lalu, seramai 118 anggota polis dihadapkan ke mahkamah atas berbagai kesalahan.

Kepada pertanyaan Senator Datuk Haji Mahomud Salim Mohamad kesediaan Kerajaan memberi perlindungan sementara kepada pendatang haram Vietnam adalah selaras dengan perjanjian yang dipersetujui di Geneva.

"Kita bersedia memberi perlindungan sementara selagi kita mendapat jaminan bahawa usaha-usaha akan dijalankan segera untuk menempatkan pendatang haram ini ke negara ketiga," tegaknya.

Menjawab soalan Senator Abdul Razak Samah, beliau menjelaskan pendatang haram yang ditempatkan di kemah-khemah sementara di negara ini adalah disekat pergerakan mereka.

## 19,828 permit teksi diluluskan

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Dewan Negara hari ini diberitahu, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah meluluskan 19,828 permit teksi setakat Oktober lalu.

Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, yang menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama, memberitahu Senator Dr. Choo Kool Fook, 3,729 permit diluluskan sepanjang tahun lalu.

"Dalam tahun 1980 saja, 9,187 permohonan diterima dan 3,729 diluluskan termasuk rayuan-rayuan."

"Bagi 1981, setakat Oktober, 6,763 permohonan diterima dan 2,424 diluluskan," katanya.

Tambahnya, antara kriteria yang digunakan bagi menimbangkan permohonan-permohonan permit teksi/kereta sewa ialah mengenai latar belakang pemohon itu sendiri.

"Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman bergantung hidup sebagai pemohon teksi."

"Kesetiaan juga diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Lesen Perkhidmatan Awam (PSV) dan berpengalaman yang agak lama, biasanya melebihi 10 tahun."

Dengan penentuan keutamaan ini, bertali peluang seseorang yang mempunyai pengalaman kurang daripada lima tahun diberikan lesen adalah tipis, kecuali jika ia dari golongan-golongan tertentu seperti bekas-bekas tentera," jelasnya.

## Kawalan ayam di Kelantan bertujuan atasi seludup

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Kerajaan berindak mengadakan pemeriksaan mengejut dan kawalan di daerah Pasir Mas, Tanah Merah dan Kota Bharu sebagai langkah membentasi kegiatan penyeludupan ayam dari Thailand ke Kelantan.

Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Senator Haji Triffin Haji Salleh di Dewan Negara berkata, kerajaan juga akan memperhebat rancangan pemberian subsidi bagi menggalakkan perusahaan ternakan ayam di kalangan penternak kecil.

"Kerajaan sedar terhadap penyeludupan ayam dari Thailand ini telah mengancam mata pencaharian penternak-penternak ayam tempatan."